



Agensi Kelayakan Malaysia  
Malaysian Qualifications Agency

Tel: +603 8688 3611 | Faks: +603 8688 3600

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
(Chief Executive Officer)  
**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA**  
(Malaysian Qualifications Agency)  
Mercu MQA  
No. 3539, Jalan Teknokrat 7, Cyber 5  
63000 Cyberjaya  
Selangor Darul Ehsan



NO GIFT POLICY

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/2 Jld. 4 ( 4 )

Tarikh : 18 Mei 2021

**KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT) BERSTATUS SWAAKREDITASI**

Tuan/Puan,

*Dr. Hannah* 5/6

**SURAT MAKLUMAN MQA BIL. 6/2021**

**DZULKIFLI ABDUL RAZAK, Rector**  
Prof. Emeritus Tan Sri Dato'  
International Islamic University Malaysia

**PEMAKAIAN FORMAT LAPORAN TAMBAHAN BAGI PENILAIAN PROGRAM MOD PENAWARAN INDUSTRI (2u2i) OLEH AHLI PANEL PENILAI AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA DAN AHLI PANEL PENILAI PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI BERSTATUS SWAAKREDITASI**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti tuan/puan sedia maklum, MQA telah mengeluarkan Surat Makluman MQA Bil. 3/2016 bertarikh 25 Februari 2016 yang memaklumkan tentang pembangunan 'Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (Guidelines to Good Practices: Work-Based Learning, GGP: WBL)' bagi menggalakkan PPT menggunakan pendekatan WBL dalam reka bentuk dan penyampaian kurikulum program pengajian.

3. Pada tahun 2017, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah menerbitkan '**Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i (GP 2u2i)**' sejajar dengan inspirasi Lonjakan 1 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu melahirkan graduan holistik, seimbang dan berciri keusahawanan. Usaha ini dapat merapatkan jurang ketidaksepadanan antara kehendak industri dan graduan apabila Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan industri bergabung dalam proses pembangunan dan penyampaian kurikulum.

4. Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar Berkaitan Jaminan Kualiti Kementerian Pengajian Tinggi-Agensi Kelayakan Malaysia (MKSDJK KPT-MQA) Bil. 1/2021 bertarikh 12 Mac 2021 telah bersetuju bahawa program pengajian yang dibangunkan dengan **struktur Mod Penawaran Industri (2u2i) perlu melalui penilaian akreditasi menggunakan ketetapan yang dinyatakan dalam 'GP 2u2i'** walaupun terdapat situasi PPT mengemukakan permohonan akreditasi program pengajian sebegini

sebagai Mod Penawaran Kerja Kursus dengan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran secara *Work-Based Learning* (WBL).

5. Sehubungan dengan itu, MQA telah membangunkan '**Format Laporan Penilaian Mod Penawaran Industri (2u2i)**' seperti dalam **Lampiran A** bagi memastikan Ahli Panel Penilai (APP) menjalankan penilaian Akreditasi Sementara (Provisional Accreditation, PA) dan Akreditasi Penuh (Full Accreditation, FA) berdasarkan ketetapan yang dinyatakan dalam GP 2u2i.
6. Penggunaan '**Format Laporan Penilaian Mod Penawaran Industri (2u2i)**' merupakan tambahan kepada laporan penilaian sedia ada ke atas tujuh bidang jaminan kualiti yang digariskan dalam Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA) dan/atau Standard Program **mulai 1 April 2021**.
7. PPT berstatus swaakreditasi boleh menambah baik '**Format Laporan Penilaian Mod Penawaran Industri (2u2i)**' mengikut kesesuaian dan keperluan masing-masing tanpa mengubah sebarang elemen penting penilaian.
8. PPT berstatus swaakreditasi dimohon mengambil perhatian yang sewajarnya bagi memastikan APP yang dilantik menilai program Mod Penawaran Industri (2u2i) secara komprehensif dan mencakupi aspek jaminan kualiti yang ditetapkan.
9. '**Format Laporan Penilaian Mod Penawaran Industri (2u2i)**' boleh dimuat turun melalui portal MQA, [www.mqa.gov.my](http://www.mqa.gov.my) dan portal APP MQA.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DATO' DR. MOHAMMAD SHATAR BIN SABRAN (DIMP, DPMP)**